

AXCEL CLINDAMYCIN 1% TOPICAL SOLUTION

Clindamycin Phosphate (1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution
2. Bagaimana Axcel Clindamycin 1% Topical Solution berfungsi
3. Sebelum mengguna Axcel Clindamycin 1% Topical Solution
4. Cara menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution
5. Semasa menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution

Axcel Clindamycin 1% Topical Solution digunakan untuk rawatan jerawat.

Bagaimana axcel clindamycin 1% topical solution berfungsi

Axcel Clindamycin 1% Topical Solution berfungsi dengan mengurangkan jerawat dan / atau menghentikan pertumbuhan bakteria kulit yang menyebabkan jerawat.

Sebelum menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Clindamycin 1% Topical Solution:

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada Clindamycin atau Lincomycin.
- Jika anda yang mempunyai masalah *enteritis* (radang pada usus), *ulcerative colitis* (penyakit radang usus) atau kolitis yang berkaitan dengan antibiotik (pertumbuhan bakteria berbahaya di saluran usus).
- Jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Pada bayi yang baru lahir.

-Sebelum menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda mengandung atau menyusukan bayi.
- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda cenderung kepada tindakbalas hipersensitiviti alahan.
- Anda pernah menghadapi penyakit Crohn dan ulser kolitis.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa dipreskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Clindamycin 1% Topical Solution dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan luaran sahaja. Sapu satu lapisan yang nipis pada bahagian yang dijangkiti dua kali sehari.

Basuh dan keringkan kawasan yang terjejas sebelum menggunakan ubat. Gunakan sapuan secara menepek dengan menggunakan span pada bahagian yang dijangkiti lebih baik daripada sapuan secara berbalik. Jika span kering, terbalikkan botol dan picit botol beberapa kali sehingga span menjadi lembap.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Clindamycin 1% Topical Solution mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Clindamycin 1% Topical Solution dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan terkena pada mata dan membran mukus.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Clindamycin 1% Topical Solution boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

AXCEL CLINDAMYCIN 1% TOPICAL SOLUTION

Clindamycin Phosphate (1% w/v)

- Kerengsaan (cth: kemerahan, pengelupasan dan mecur) dan keradangan kulit melalui sentuhan.
- Kesan gastrointestinal (sakit perut, mual, muntah, cirit-birit, dan sembelit).
- Kulit berminyak.
- Gram-negative folliculitis (jerawat yang disebabkan oleh jangkitan bakteria).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Clindamycin 1% Topical Solution

-Penyimpanan

Pastikan bekas botol ditutup rapat. Simpan pada suhu bawah 30°C dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Clindamycin 1% Topical Solution yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Clindamycin 1% Topical Solution adalah larutan tanpa warna.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Clindamycin Phosphate.

Bahan Tidak Aktif:

Propylene glycol, Propylparaben, Purified Water dan Methylparaben, Isopropyl Alcohol.

-Nombor MAL

MAL08120871AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn. Bhd.
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/05/2020

Nombor siri

NPRA(R4/1)210318/00078